

Ahli
B.H. 1 OCT 1993
harus
hindar
sikap 
bermusuh

KOTA BHARU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ahli Umno perlu mengelakkan diri daripada penyakit bermusuh sesama sendiri secara berkekalan kerana ia boleh menjejaskan peluang parti untuk menang dalam pilihan raya umum.

Katanya, mereka bukan sahaja perlu mengeratkan hubungan sesama ahli parti, malahan perlu bersahabat di kalangan ahli parti pembangkang dan pihak yang berkecuali.

Menurut beliau, sikap bermusuh sesama sendiri hanya akan merugikan diri sendiri dan parti apabila tiba pilihan raya umum.

"Walaupun kita mempunyai pendapat berbeza-beza, ini tidak bermakna kita tidak boleh berkawan dengan musuh politik.

"Kita boleh berkawan dengan musuh, tinggal lagi dalam politik kita tak bersetuju dengan pendapat mereka," katanya ketika merasmikan Mini Konvensyen Umno Negeri Kelantan 1993 di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, dekat sini, petang semalam.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan ketua bahagian Umno seluruh Kelantan.

Perdana Menteri berkata dalam merebut pelbagai jawatan dalam Umno, ahli parti jangan menggunakan pendekatan yang tidak disenangi ahli juga orang luar.

Beliau berkata, ada pihak yang bertindak seolah-olah membayangkan mereka hanya ingin menang jawatan dalam parti dan tidak memikirkan langsung soal yang lebih penting, iaitu memenangi pilihan raya.

"Jangan buat parti kita (Umno) tidak popular," katanya.